

Kerajaan digesa wajib pemeriksaan setiap 10 tahun



Sudah tiba masa Akta 133 diguna pakai dengan menyeluruh kerana pemeriksaan terhadap bangunan bertingkat perlu dilakukan secara berkala bagi menjamin keselamatannya”

Izni Syahrizal Ibrahim,
Pengarah Pusat Kejuruteraan Forensik UTM

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa menguatkuasakan sepenuhnya Seksyen 85A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang mewajibkan pemeriksaan bangunan bertingkat dilakukan setiap 10 tahun.

Pengarah Pusat Kejuruteraan Forensik, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Madya Dr Izni Syahrizal Ibrahim, berkata penguatkuasaan akta terbabit berupaya membendung kejadian tidak diinginkan terhadap bangunan.

“Sudah tiba masa Akta 133 diguna pakai dengan menyeluruh kerana pemeriksaan terhadap bangunan bertingkat perlu dilakukan secara berkala bagi menjamin keselamatannya. Berdasarkan akta ini, pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh mengeluarkan notis bertulis kepada pemilik bangunan bagi tujuan pemeriksaan oleh jurutera profesional,” katanya.

Izni Syahrizal berkata, jika pemilik bangunan gagal melakukan pemeriksaan berdasarkan akta itu, PBT boleh melantik seorang jurutera melakukan tugas terbabit, namun perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh pemilik premis.

“Pemeriksaan berkala ini pen-

ting kerana kita tidak tahu apa akan berlaku pada sesebuah bangunan. Jika pemeriksaan dilakukan mengikut Akta 133, sudah pasti apa sahaja bentuk perubahan pada bangunan dapat dikesan dengan lebih awal,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Bergantung lokasi premis

Pensyarah Pusat Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Tajul Anuar Jamaludin pula berkata, sebarang binaan di kawasan cerun, berisiko mengalami mendapan atau kerosakan struktur jika wujud pergerakan tanah, terutama pada musim hujan.

“Secara umumnya, semua bergantung pada lokasi premis. Jika dibina di cerun hasil tambakan tanah, memang boleh berlaku pergerakan tanah jika tambakan itu tidak cukup kuat. Begitu juga kawasan cerun, jika tidak diselenggara kawasan itu dengan baik, apa binaan atau struktur yang dibina di atasnya boleh terjejas.

“Di mana-mana sahaja boleh berlaku, bergantung kepada kekuatan tanah atau asasnya. Jika di

kawasan berbukit, tentu sahaja ada risiko, namun bagi kawasan yang landai, mendapan tanah mungkin boleh berlaku jika di bawah kawasan itu ada air yang boleh menyebabkan struktur tanah menjadi lembut,” katanya.

Audit keselamatan tahunan

Di Putrajaya, Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, meminta kerajaan melaksanakan audit keselamatan secara tahunan ke atas semua bangunan kediaman dan komersial, khususnya yang berusia lebih 20 tahun bagi menjaga keselamatan penghuni.

“Langkah itu penting bagi mengenal pasti risiko dan membolehkan tindakan segera diambil,” katanya yang ditemui media selepas Kempen Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Projek Pembinaan Mitrajaya Sdn Bhd di Presint 5, semalam.

Lam Thye berkata, isu keselamatan tidak boleh diabaikan dan kerajaan perlu memastikan aspek keselamatan diberi keutamaan untuk melindungi penduduk dan orang ramai.



Kerajaan diminta melaksanakan audit keselamatan secara tahunan ke atas semua bangunan kediaman dan komersial, khususnya yang berusia lebih 20 tahun bagi menjaga keselamatan penghuni”

Lee Lam Thye,
Pengerusi NIOSH